

# Ahli-ahli UMNO diingat tadbir harta parti dengan jujur

3 MAY 1983

**P**ELABUHAN KE-  
LANG, 2 Mei - Da-  
tuk Sri Dr. Mahathir Moha-  
mad hari ini mengingatkan  
ahli-ahli UMNO dan semua  
parti komponen Barisan Na-  
sional supaya mentadbirkan  
harta parti dengan jujur dan  
amanah.

Perdana Menteri mene-  
gaskan bahawa ahli-ahli  
parti yang berkenaan tidak  
harus menguruskan harta  
tersebut dengan cara yang  
bercanggah dengan  
peraturan-peraturan yang  
ditentukan di dalam per-  
lembagaan parti masing-  
masing.

Berucap merasmikan  
bangunan UMNO ca-  
wangan Pelabuhan Kelang  
di sini petang ini, Datuk Sri  
Dr. Mahathir berkata  
"seringkali apabila timbul  
sebarang masalah harta,  
orang-orang yang berama-

nah pun akan hilang  
amanahnya".

Menurutnya, pentadbiran  
dan pengurusan harta parti  
perlu dilakukan secara jujur  
dan selaku presiden parti  
kadang-kala beliau menda-  
pati ada harta-harta UMNO  
yang telah hilang, ghaib  
atau menjadi milik orang  
lain.

Beliau juga mengingatkan  
ahli-ahli UMNO umumnya  
supaya jangan terlalu tum-  
pukan perhatian kepada  
harta dan menjadikannya  
sebagai sasaran sehingga  
melupakan tanggungjawab  
terhadap parti.

"Walaupun kita ada har-  
ta, kita tidak seharusnya  
lupa bahawa kita ini adalah  
orang politik dan tidak ber-  
minat lagi untuk bersaing  
dengan orang lain.

"Jika ini berlaku sudah  
tentu kita akan gagal dan

kehilangan tempat tegas-  
nya.

Dalam hubungan ini, Da-  
tuk Sri Dr. Mahathir  
mengingatkan ahli-ahli  
UMNO bahawa tugas  
utama mereka adalah untuk  
politik kerana pertubuhan  
tersebut diperlukan oleh  
orang-orang Melayu dalam  
perjuangannya.

Sambil berkata bahawa  
beliau sedar masalah peng-  
urusan harta dan sikap tidak  
amanah memang dihadapi  
oleh semua parti, Perdana  
Menteri menegaskan harta  
yang dimiliki oleh UMNO  
atau mana-mana parti kom-  
ponen Barisan Nasional  
hendaklah dijaga sebagai  
harta ahli kerana suatu hari  
kelak ia akan diwarisi oleh  
generasi muda.

"Saya mengingatkan per-  
kara ini kerana tidak mahu  
melihat sebarang kejadian

tidak jujur dan tidak ama-  
nah berlaku di mana-mana  
cawangan, bahagian  
UMNO dan parti Barisan  
Nasional," tegasnya.

Perdana Menteri berkata  
bahawa beliau bangga  
dengan kejayaan UMNO  
cawangan Pelabuhan Kelang  
mendirikan sebuah  
bangunan lapan tingkat ke-  
rana "ini menunjukkan min-  
at ahli-ahli UMNO ca-  
wangan itu kepada parti".

Utusan Malaysia difa-  
hamkan bangunan UMNO  
cawangan tersebut yang  
berharga \$2.1 juta itu ad-  
alah bangunan UMNO di  
peringkat cawangan yang  
pertama di negara ini.

Turut hadir di upacara  
perasmian bangunan itu ia-  
lah Ketua Perhubungan  
UMNO Negeri Selangor,  
Datuk Haji Ahmad Razali,  
Naib Presiden UMNO Ma-

laysia, Dato' Harun Idris,  
ahli Parlimen kawasan Kua-  
la Selangor, Datuk Abu  
Hassan Omar dan beberapa  
orang kenamaan yang lain.

Ketibaan Datuk Sri Dr.  
Mahathir dan isteri telah  
disambut oleh lebih 2,000  
orang ahli parti komponen  
Barisan Nasional yang  
membawa bendera, bunga  
manggar serta diiringi oleh  
kira-kira 500 motosikal pen-  
giring.

Terdahulu dari itu, di da-  
lam ucapannya, Datuk Sri  
Dr. Mahathir juga menje-  
laskan bahawa tujuan kera-  
jaan untuk mewujudkan  
kampung-kampung contoh  
bukanlah dengan mendiri-  
kan rumah-rumah dan  
menghadihkannya kepada  
penduduk.

"Maksud saya ialah su-  
paya rakyat secara umum-  
nya membersihkan kawasan  
sekeliling rumahnya dengan  
tanaman-tanaman mengikut  
kemampuan masing-  
masing.

"Tujuan kita supaya kea-  
daan sekeliling rumah men-  
jadi selesa, cantik dan bersih  
agar pelawat-pelawat akan  
dapat melihat negara ini se-  
bagai sebuah negara  
contoh," kata beliau ketika  
menjelaskan anggapan yang  
salah pihak-pihak tertentu  
tentang konsep kampung  
contoh tersebut.

Tetapi, menurutnya,  
"kadang-kadang bila saya  
buat lawatan saya dapati ja-  
lannya baru saja ditarkan  
dan baru siap sehari  
sebelumnya", disambut ge-  
lak tetawa.